

25/09/1997

PM bawa misi hubungan dagang ke Cuba

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berlepas ke Cuba dalam satu misi untuk menjalin hubungan peringkat tinggi pertama Malaysia dengan pemimpinnya, Fidel Castro dan menerokai peluang perdagangan dan pelaburan.

Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan empat mata dengan Castro selepas upacara sambutan rasmi di Plaza Revolusi di Havana pada hari Jumaat diikuti dengan mesyuarat delegasi penuh.

Tiga perjanjian - satu mengenai penghapusan visa, kedua mengenai penggalakan dan saling melindungi pelaburan dan ketiga mengenai perdagangan - akan ditandatangani sebagai menandakan permulaan fasa baru hubungan Malaysia-Cuba, kata seorang pegawai.

Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke Cuba, satu-satunya negara komunis di rantau Caribbean/Amerika Latin.

Cuba mempunyai 11 juta penduduk dan terkenal dengan cerutnya yang dikatakan terbaik di dunia. Negara itu menanam tebu dan kopi, mempunyai industri mengeluarkan tekstil, kimia dan kayu dan produk kertas. Ia juga kaya dengan kobalt dan nikel.

Dr Mahathir yang akan berada selama dua hari di Cuba diiringi oleh satu rombongan rasmi mengandungi antara lain Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Turut bersama ialah satu delegasi perniagaan seramai 70 anggota diketuai oleh Pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli.

Ketika singgah di Madrid dalam perjalanan ke Havana, Dr Mahathir akan mengunjungi rakan sejawatannya dari Sepanyol, Jose Maria Aznar.

Selepas Cuba, Dr Mahathir akan melawat Chile untuk menghadiri mesyuarat Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) di Santiago.

Dari Santiago Dr Mahathir akan ke Montevideo, Uruguay untuk lawatan rasmi dua hari (1 hingga 2 Oktober) dan selepas itu beliau akan mengakhiri lawatannya dengan melawat Argentina selama tiga hari. - Bernama